



KENYATAAN MEDIA:

MESYUARAT PERTAMA LEMBAGA PENGARAH PSMB UNTUK TAHUN 2024, MAKLUMAN PRESTASI DAN TATAKELOLA 2023

Hari ini, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) juga dikenali sebagai HRD Corp, telah mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah pertama bagi tahun 2024. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abu Huraira Abu Yazid yang dilantik sebagai Pengerusi pada 22 Januari 2024. Datuk Abu Huraira merupakan seorang tokoh profesional kewangan dengan lebih daripada 47 tahun pengalaman dalam industri sekuriti kewangan di mana beliau mengawasi sistem pembayaran untuk perniagaan, perbankan peribadi dan pengurusan dana, mempengerusikan jawatankuasa audit lembaga dan pengurusan risiko, serta menjadi Ketua Pegawai Eksekutif sebuah bank pengguna.

PSMB menikmati tahun yang kukuh pada 2023, dengan prestasi yang memecah rekod di semua penunjuk utama. Ini termasuk pungutan levi tertinggi sebanyak RM2.2 bilion dan bantuan kewangan yang diluluskan sebanyak RM1.78 bilion, membawa kadar penggunaan levi kepada 81%, yang merupakan antara yang terbaik dalam sejarah PSMB. Organisasi ini juga meluluskan 2.3 juta tempat latihan untuk 1.25 juta peserta, memberi faedah kepada jumlah pekerja dan bakat Malaysia yang paling ramai dalam mana-mana tahun. Pada masa yang sama, HRD Corp juga meningkatkan bilangan majikan berdaftar yang membayar levi kepada 89,912, merangkumi lebih daripada 4.59 juta pekerja.

Demi mengekalkan momentum 2023 dan memastikan bahawa organisasi terus memberikan yang terbaik kepada pihak berkepentingan yang berkembang pesat pada 2024, Lembaga Pengarah telah membuat keputusan berikut dalam mesyuaratnya hari ini:

- 1) Untuk memperhalusi tadbir urus korporat PSMB, Lembaga telah memutuskan untuk mengasingkan "Jawatankuasa Risiko dan Audit" menjadi dua (2) "Jawatankuasa Risiko" dan "Jawatankuasa Audit". Setiap Jawatankuasa ini akan terdiri daripada ahli lembaga pengarah yang berbeza dan akan dipengerusikan oleh dua ahli lembaga bebas, bukan eksekutif yang berpengalaman dalam bidang utama dalam kedua-dua fungsi tersebut.

Jawatankuasa Audit ini akan berfungsi sebagai pemantau bebas dengan tumpuan kepada kawalan dalaman dan risiko kewangan. **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** akan mengawasi dan memberikan panduan mengenai pengurusan risiko, tadbir

UNTUK SIARAN SEGERA

27 FEBRUARI 2024

urus, kelestarian dan etika. Kami percaya pengasingan ini akan meningkatkan ketelusan dan memastikan pematuhan PSMB terhadap piawaian tadbir urus yang tertinggi.

- 2) Lembaga Pengarah juga telah memutuskan untuk menubuhkan **Akaun Inisiatif Strategik (SIA)** untuk menyokong peningkatan kemahiran dan latihan semula pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mikro-PKS, dan komuniti rentan. Inisiatif-inisiatif ini akan dibiayai oleh Keuntungan Terkumpul HRD Corp. Ini dilaksanakan bagi menyahut seruan Kementerian Sumber Manusia agar PSMB tidak hanya menyokong majikan berdaftar dan pihak berkepentingan melalui levi mereka, tetapi juga menyalurkan lebih banyak sokongan kewangan selain memperluas akses terhadap peluang latihan dan pembangunan kepada lebih banyak organisasi dan komuniti.

Di PSMB, kami sentiasa mematuhi piawaian etika dan integriti tertinggi. Semua levi yang dikumpulkan daripada majikan berdaftar telah digunakan secara mutlak untuk tujuan latihan dan pembangunan pekerja mereka sahaja.

Pada masa akan datang, kami yakin bahawa dua (2) keputusan utama ini akan mengukuhkan tadbir urus PSMB sekali gus meningkatkan keyakinan orang awam dan pihak berkepentingan bahawa semua levi serta dana yang dikumpul oleh PSMB diurus dan digunakan secara telus dengan dipandu oleh proses dan dasar yang ketat.

PSMB juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Abu Huraira Abu Yazid kerana berjaya mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah pertama untuk tahun 2024. Kami mengharapkan pencapaian yang lebih cemerlang pada tahun 2024 bersama-sama Pengerusi dan Lembaga Pengarah, demi kebaikan semua pihak berkepentingan kami.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

27 FEBRUARI 2024